



جابتن حال إحوال إكعام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**RAMADAN:
ADAT ATAU IBADAT ?**



Tarikh Bacaan:
27 FEBRUARI 2026M / 9 RAMADAN 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Ramadan: Adat Atau Ibadat?

27 Februari 2026M/ 9 Ramadan 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

سورة الإسراء

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Tiada wasiat yang lebih agung, tiada pesan yang lebih utama, melainkan seruan takwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Maka mimbar pada hari yang mulia ini mengajak dan menyeru seluruh jemaah agar meningkatkan kualiti takwa dalam diri, dengan menjunjung segala perintah Allah dan menjauhi sepenuh hati segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa menuntut mujahadah, kesungguhan dan pengorbanan, agar taubat tertangguh dan rahmat Allah tidak terhalang.

Selain itu, suka juga khatib mengingatkan bahawa berilah fokus sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Ketepikan sebentar urusan dunia dengan tidak melakukan perkara-perkara yang



mengurangkan pahala. Pada hari Jumaat yang mulia ini, dalam keberkatan bulan Ramadan Al-Mubarak, mimbar ingin mengajak jemaah sekalian untuk menelusuri sebuah pengajaran penting melalui khutbah bertajuk: **Ramadan: Adat Atau Ibadat?**

JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Bagi setiap individu muslim yang prihatin dengan rahmat dan ganjaran Allah yang melimpah-ruah pada bulan Ramadan ini, sudah tentu tidak akan melepaskan peluang untuk berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sebanyak mungkin ganjaran daripada Allah dengan melaksanakan ketaatan dan ibadah kepada-Nya.

Namun, sesuatu yang amat menyedihkan berlaku dalam kalangan masyarakat kita ialah sambutan Ramadan itu lebih menjerus kepada 'adat' bukan 'ibadat'.

Bulan Ramadan yang sepatutnya menjadi bulan menahan nafsu syahwat dengan ber'puasa' bertukar menjadi bulan 'makan' yang penuh dengan pembaziran semata-mata untuk memenuhi runtunan nafsu dan syahwat. Pembaziran berlaku dengan begitu ketara semasa berbuka puasa. Menurut data daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, dianggarkan sekitar 4,005 tan makanan dibazirkan setiap hari sepanjang bulan Ramadan, yang bersamaan lebih 120,000 tan makanan untuk keseluruhan bulan Ramadan di seluruh negara.

Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

كَمْ مِنْ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ وَالْعَطَشُ

Maksudnya: *“Berapa ramai orang yang berpuasa, namun tidak ada baginya daripada puasanya itu melainkan lapar dan dahaga sahaja.”*

(Hadis Riwayat Ibnu Majah dan Ahmad)

Oleh yang demikian, tidak hairanlah apabila didapati perbelanjaan di bulan Ramadan telah meningkat berlipat kali ganda berbanding perbelanjaan pada bulan-bulan yang lain.

Sesuatu yang perlu disedari bahawa tabiat pembaziran yang berlaku dalam bulan Ramadan menyebabkan puasa yang dilakukan menjadi sia-sia kerana tidak mencapai ketakwaan sebagaimana yang diharapkan. Masyarakat Islam perlu sedar bahawa puasa adalah ibadah yang memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi, sahsiah dan akhlak hingga mencapai tahap takwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Antara ciri insan bertakwa ialah mereka yang berjaya mengawal nafsu makan. Sehubungan itu, umat Islam hendaklah menghindari amalan menjadikan Ramadan bulan untuk berpesta makan secara berlebihan. Pembaziran merupakan satu sifat yang dilarang keras di dalam Islam. Justeru, Allah mengumpamakan orang yang membazir itu ibarat saudara kepada syaitan. Firman Allah dalam surah al-Israk ayat 27:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya”.*

Sayyid Qutub di dalam tafsirnya *Fi Zilal Al-Quran* (في ظلال القرآن) menjelaskan bahawa Ibnu Mas'ud dan Ibnu Abbas mentafsirkan pembaziran itu ialah berbelanja kepada tempat yang tidak wajar (secara yang tidak diharuskan oleh Allah). Oleh itu, berbelanja secara berlebihan juga merupakan suatu tindakan yang tidak wajar dan membazir.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sepatutnya pada bulan Ramadan, umat Islam bersungguh-sungguh untuk melaksanakan pesta ibadah serta beristiqamah dengannya. Namun, apabila sambutan Ramadan dijadikan sebagai adat semata-mata, maka akan didapati mereka yang berduyun-duyun ke masjid pada minggu pertama Ramadan akan terus berkurangan dari semasa ke semasa. Natiujahnya, pada minggu terakhir Ramadan yang merupakan waktu yang paling penting untuk mendapatkan anugerah Lailatul Qadar, masjid-masjid dan surau-sarau semakin kurang dikunjungi.

Pada minggu terakhir Ramadan juga nanti, akan didapati bahawa masyarakat Islam dalam negara kita lebih selesa mengunjungi pasaraya termasuklah membeli-belah di aplikasi dalam talian melebihi daripada mengunjungi surau dan masjid. Kelebihan dan keutamaan bulan Ramadan terus dilupakan serta diabaikan semata-mata kerana ingin membuat persiapan dan persediaan menyambut Syawal.

Namun, apakah mereka yang menyambut Ramadan secara adat layak untuk menyambut kemenangan pada tanggal 1 Syawal sedangkan nafsu mereka masih lagi membelenggu diri?

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Apabila Ramadan atau bulan puasa disambut secara adat bukannya ibadat, maka ia tidak dapat menghasilkan individu yang bertakwa kepada Allah. Akhirnya sambutan Ramadan tidak mendatangkan 'makna' dan 'pengertian' sebenar dalam kehidupan seseorang muslim. 'Adat' tahunan dalam menyambut Ramadan dan 'puasa' tidak lagi memberi sebarang erti untuk kecemerlangan hidup di dunia dan di akhirat.

Justeru, anjakan perlu dibuat untuk mengembalikan nilai ibadah dalam bulan Ramadan agar dapat memperoleh wangian kasturi di sisi Allah serta kesejahteraan dunia akhirat dapat diperoleh kembali.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Mengakhiri khutbah sebagai kesimpulan, terdapat tiga anjakan penting yang perlu dilakukan oleh umat Islam:

Pertama: Mengembalikan Ramadan sebagai ibadat, bukannya adat.

Umat Islam hendaklah memperbetulkan niat dan sikap agar Ramadan tidak disambut sekadar rutin tahunan, tetapi benar-benar dihayati sebagai madrasah takwa yang mendidik jiwa, menundukkan nafsu dan menghidupkan hubungan dengan Allah.

Kedua: Mengawal nafsu makan dan menjauhi pembaziran.

Puasa menuntut pengendalian syahwat, bukan meraikannya. Amalan makan berlebihan dan pembaziran bukan sahaja mencemarkan roh puasa, malah menggugurkan tujuan utama puasa iaitu melahirkan insan bertakwa.

Ketiga: Mengutamakan ibadah khususnya di akhir Ramadan.

Minggu terakhir Ramadan sepatutnya dimanfaatkan dengan memperbanyakkan ibadah, menghadiri masjid dan mencari Lailatul Qadar, bukan dihabiskan dengan pesta membeli-belah sehingga melalaikan dan mematikan hati.

Mudah-mudahan dengan anjakan ini, Ramadan kembali memberi makna, puasa melahirkan takwa dan Syawal yang disambut benar-benar menjadi hari kemenangan di sisi Allah.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah al-Qamar ayat 54-55:

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَنَهَرٍ ﴿٥٤﴾ فِي مَقْعَدٍ صِدْقٍ عِنْدَ مَلِيكٍ مُّقْتَدِرٍ ﴿٥٥﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang bertakwa, ditempatkan di taman-taman syurga yang indah dan (dekat) beberapa sungai. Di tempat yang diredai di sisi Tuhan Yang Menguasai Segala-galanya, lagi Yang Berkuasa melakukan sekehendak-Nya.”

**بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذُّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.**



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزَنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam keberkatan bulan Ramadan yang mulia ini bulan tarbiah, bulan keampunan dan bulan kita kembali menyucikan jiwa, Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* memperlihatkan kepada kita satu lagi tanda kebesaran-Nya melalui gerhana bulan penuh yang akan berlaku pada **hari Selasa, 3 Mac 2026 bermula jam 7:33 malam hingga 9:17 malam**. Sehubungan itu, seluruh masjid dan surau di negeri Pulau Pinang adalah digalakkan untuk menganjurkan program solat sunat gerhana bulan secara berjemaah, disertai khutbah, doa dan munajat.

Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* mengingatkan bahawa matahari dan bulan adalah dua tanda daripada tanda-tanda kebesaran Allah; apabila berlakunya gerhana, maka bersegeralah kita kepada solat, doa dan

istighfar. Lebih-lebih lagi di bulan Ramadan, setiap detik adalah peluang menggandakan pahala dan memperteguhkan taqwa.

Maka marilah seluruh masjid dan surau menghidupkan sunnah solat sunat gerhana secara berjemaah, disertai khutbah, munajat dan taubat nasuha, agar peristiwa langit ini menjadi wasilah melembutkan hati, menyatukan saf, serta mendekatkan diri kita kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Janganlah kita biarkan malam yang agung ini berlalu sia-sia; rebutlah ia sebagai saat memperbaharui iman dan memperteguhkan harapan kepada rahmat Tuhan Yang Maha Pengasih.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتِكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَوَلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ فُؤَلَاوِ فَيُنْعِجْ آمِنًا مُظْمِنًا
سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG